

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI BULAN OKTOBER 2007**

**TARIKH:  
8 OKTOBER 2007**

**TEMPAT:  
ASTAKA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MASA:  
8.00 PAGI**

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI BULAN OKTOBER 2007  
DI ASTAKA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG PADA HARI ISNIN,  
8 OKTOBER 2007 PUKUL 8.00 PAGI**

---

**“MEMBINA KESATUAN MINDA DAN KEBERSAMAAN DALAM PERKHIDMATAN:  
IKTIBAR RAMADHAN”**

---

**SALUTASI**

1. Yang berusaha saudara pengacara majlis;  
Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor;  
Bendahari;  
dan Ketua Pustakawan;  
Yang Berbahagia Profesor-profesor;  
Dekan-dekan;  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;  
Yang Berusaha pegawai-pegawai dan para kakitangan;  
Hadirin dan hadirat yang dihormati dan dikasahi sekalian.  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan selamat sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

2. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Taala, pertamanya kerana kita dapat berhimpun dalam majlis ini dan keduanya kerana peluang dan kesempatan yang masih diberikan oleh Allah Taala kepada kita untuk terus bernafas hingga ke hari ini, satu nikmat yang sangat-sangat perlu disyukuri dan dipergunakan sebaik-baiknya kerana tiada siapa tahu melainkan Allah Taala jua bila saatnya maut bakal menghampiri menjemput diri meninggalkan dunia yang fana ini.
3. Universiti kita telah menempuh dua acara besar sepanjang Ramadhan ini. Pada 2 Oktober 2007 yang lalu, urusan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar atau MPP bagi sesi 2007/2008 telah dijalankan dan keputusannya juga telah diketahui. 15 orang calon yang diisyiharkan menang dalam pemilihan tersebut akan menerima watikah pelantikan dan akan mengangkat sumpah jawatan sebagai ahli MPP di hadapan saya pada petang ini.

Manakala pada 4 Oktober 2007 yang lalu, satu lagi acara penting telah dilaksanakan iaitu Majlis Berbuka Puasa Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor bersama Warga Universiti Malaysia Pahang.

Saya percaya, kejayaan pengelolaan dan pelaksanaan kedua-dua acara ini adalah kerana keikhlasan, komitmen dan semangat kerja berpasukan yang

tinggi di kalangan warga kerja Universiti Malaysia Pahang. Apatah lagi, kejayaan pelaksanaan dua acara besar ini dalam bulan Ramadhan membuktikan semangat pro-aktif warga kerja Universiti Malaysia Pahang yang sewajarnya mendapat pujian. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga kerja Universiti Malaysia Pahang yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran pengendalian pemilihan MPP pada 2 Oktober 2007 dan Majlis Berbuka Puasa Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor bersama Warga UMP pada 4 Oktober 2007. Marilah kita zahirkan ucapan tahniah ini kepada Jawatankuasa Pelaksana kedua-dua acara tersebut dengan memberikan satu tepukan yang gemuruh kepada mereka.

4. Sekiranya dalam perhimpunan bulan September yang lalu saya mengupas dengan panjang lebar soal patriotisme, maka pada perhimpunan kali ini saya akan menyentuh pula isu "MEMBINA KESATUAN MINDA DAN KEBERSAMAAN DALAM PERKHIDMATAN: IKTIBAR DARIPADA RAMADHAN."

#### **KEBERSAMAAN DALAM PERKHIDMATAN**

5. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Dalam Surah Ali Imran ayat 103, Allah Taala telah berfirman dengan maksud:-

*“Berpeganglah kamu sekalian kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah-belah dan ingatlah akan nikmat Allah (yang diberikan-Nya) kepadamu, ketika kamu bermusuh-musuhan, lalu dipersatukan-Nya hatimu, sehingga kamu jadi bersaudara dengan nikmat-Nya.”*

*‘Kamu telah berada ditepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatnya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk’*

Dalam konteks pertemuan kita pada pagi ini, saya meletakkan kepercayaan yang penuh bahawa sesebuah keunggulan dan kegemilangan sesuatu institusi atau organisasi adalah terletak kepada semangat persepakatan atau *esprit de corp* yang tinggi yang dijiwai dan dihayati oleh seluruh anggota organisasi tersebut.

Kebahagiaan sesuatu keluarga dapat dilihat daripada perasaan kasih sayang di antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak serta sesama anak-anak. Perasaan kasih yang teguh bersemi itu mengukuhkan tali persaudaraan yang meningkatkan lagi rasa kekitaan sesama anggota keluarga. Sudah tentu, anak-anak yang terdidik dalam suasana kebahagiaan ini akan bermotivasi tinggi untuk mengharumkan nama ibu bapa dan keluarga mereka dan ibu bapa pula dapat merasakan nikmat hasil susah payah membesarkan anak-anak setelah melihat kejayaan mereka.

Kita ambil pula satu contoh yang lain; satu ketumbukan tentera yang dihantar ke medan tempur tidak akan dapat mencapai kemenangan tanpa persenjataan yang baik, beserta dengan semangat juang dan disiplin yang tinggi. Satu ketumbukan anggota tentera yang hanya ramai pada bilangannya semata-mata tetapi serba kekurangan dari segi kelengkapannya, ditambah pula dengan disiplin dan semangat juang yang rendah pasti akan kecundang di tangan musuh.

6. Dalam bulan Ramadhan yang kian menghampiri penghujungnya ini, saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk mengenang kembali sejarah silam tatkala Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat baginda berjuang dalam keadaan yang serba kekurangan menghadapi tentera Musyrikin dalam Peperangan Badar. Dengan jumlah musuh yang menyerang seramai lebih 1,000 orang yang lengkap bersenjata, logik akal pasti tidak dapat menerima bagaimakah mereka dapat ditewaskan oleh tentera Muslimin yang hanya berjumlah 313 orang.

Rahsia kejayaan tentera Muslimin dalam Peperangan Badar yang berlaku di bawah bahang terik mentari Ramadhan yang penuh dugaan, terletak pada kebijaksanaan taktik dan strategi, semangat juang dan disiplin tinggi, keyakinan teguh, kerjasama padu yang disertai dengan darjah kepatuhan yang tinggi terhadap kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai seorang ketua dan panglima.

7. Peristiwa yang menjadi catatan penting dalam sejarah perkembangan Islam ini perlulah difahami falsafahnya, dihayati perjuangannya dan diambil pengajarannya sebagai pedoman bermanfaat dalam kehidupan seharian kita. Sejarah Peperangan Badar ini boleh dijadikan sebagai suatu model sebuah kumpulan individu atau organisasi yang kecil yang berupaya mencapai kejayaan yang cemerlang atas landasan persepakatan, perpaduan dan pemuaafakatan anggota-anggota kumpulan atau organisasi tersebut.

Inilah pengajaran yang amat berguna bagi kita di Universiti Malaysia Pahang ini; sebuah universiti kecil yang masih muda, kurang pengalaman dan berhadapan pula dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Lima tahun lepas, ketika universiti ini masih bergelar Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia atau KUKTEM, bilangan stafnya tidak sampai 100 orang dan bilangan pelajar pula hanya sekitar 300 orang. Betapa kerdilnya universiti ini pada ketika itu, jika dibandingkan dengan universiti-universiti awam lain yang lebih dahulu dibangunkan.

Kini, setelah lima tahun berlalu, KUKTEM hanya tinggal sejarah, dan universiti ini pesat berkembang dari segi fizikal dan tenaga kerjanya. Dari segi perjawatan, UMP kini mempunyai lebih 500 orang pegawai dan kakitangan dan jumlah pelajar pula hampir mencecah 3,800 orang. Kita bertuah kerana menjadi sebahagian daripada sejarah. Pasti banyak yang dapat kita ceritakan pada generasi pentadbir dan pelajar universiti ini pada 25 tahun yang akan datang tentang pengalaman zaman-zaman awal perkembangan dan kemajuan

universiti ini. Sama ada disedari atau tidak, saya, tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya sedang mencoretkan episod-episod sejarah yang sudah pastinya berkesinambungan untuk ditonton, diteliti dan dinilai oleh generasi pentadbir dan pelajar pada masa akan datang.

### **KOMITMEN TERHADAP PERKHIDMATAN**

8. Dalam titah baginda semasa Majlis Berbuka Puasa bersama warga universiti ini pada 4 Oktober yang lalu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor telah memberikan ingatan bahawa Ramadhan bukanlah alasan untuk warga kerja universiti meringan-ringankan dan melengah-lengahkan kerja. Ingatan ini merupakan suatu nasihat yang amat bermakna kerana ada di kalangan kita yang mengambil mudah tentang soal amanah, kejujuran dan integriti dalam perkhidmatan sebagai penjawat awam di universiti ini.

Terdapat segelintir pegawai dan kakitangan yang tampaknya begitu dedikasi, komited dan rajin bekerja semasa berada dalam taraf sambilan, kontrak atau tetap percubaan. Namun, apabila diberikan peluang ke perjawatan tetap dan kemudian disahkan dalam perkhidmatan, semangat dedikasi dan kerajinan itu berganti pula dengan sikap sambil lewa, tidak berdisiplin dan malas lantaran persepsi bahawa mereka ini kebal daripada sebarang tindakan tatatertib apabila telah disahkan dalam perkhidmatan.

Kepada warga kerja universiti ini yang bermentaliti sedemikian, saya selaku Naib Canselor ingin menasihatkan anda supaya memuhasabah diri. Tiada siapa yang kebal dari tindakan undang-undang, dan dalam konteks perkhidmatan kita sebagai penjawat awam di universiti ini, kerajaan telah menggariskan suatu mekanisme kawalan yang sistematik melalui Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 atau Akta 605 yang mengandungi peruntukan-peruntukan khusus berkenaan tatakelakuan dan hukuman tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan yang tidak berdisiplin sehingga menjelaskan nama baik universiti. Kepentingan negara dan universiti ini mestilah mengatasinya. Kepentingan peribadi dan itu adalah prinsip asas yang perlu difahami oleh mereka yang diterima ke dalam perkhidmatan kerajaan.

9. Saya tidak mahu universiti ini menjadi tempat berlindung kepada mereka yang bermasalah di tempat kerja lama, sama ada di sektor awam atau sektor swasta. Kita punya visi yang besar untuk dijayakan bersama, iaitu untuk menjadikan UMP sebuah universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia. Visi besar ini perlulah digerakkan dengan misi yang telah digariskan oleh tenaga kerja berkualiti yang berupaya membawa universiti ini ke hadapan.

Sehubungan dengan itu, proses pengambilan staf selepas ini perlulah diperketat. Laporan sulit daripada majikan lama berkenaan kelakuan dan rekod tatatertib seseorang calon pegawai atau kakitangan perlulah diperolehi terlebih dahulu. Ini akan membantu panel pemilih dan lembaga temuduga membuat perakuan dan keputusan supaya hanya calon-calon yang terbukti bersih

dari pada sebarang rekod tatatertib dan jenayah sahaja diambil berkhidmat di universiti ini. Arahan ini hendaklah juga dikuatkuasakan ke atas pegawai dan kakitangan yang dicadangkan diperakukan daripada taraf sambilan kepada taraf kontrak dan taraf kontrak ke taraf tetap percubaan. Dalam keadaan yang terdesak untuk mendapatkan pekerjaan dalam dunia yang penuh persaingan pada hari ini, kemungkinan-kemungkinan bahawa seseorang itu tidak jujur atau berbohong dalam permohonan atau temuduga memanglah ada, dan dalam hal ini kita perlu lebih berhati-hati. Hal ini disebut oleh Allah Taala melalui firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud:-

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepadamu orang yang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak ditimpa musibah kepada suatu golongan yang lain tanpa kamu mengetahui keadaan yang sebenar, menyebabkan kamu menyesal di atas perbuatan mu itu.”*

Hal ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana kita tidak mahu ada penjenayah, penipu atau perasuah berkhidmat dengan universiti ini. Justeru, pengurusan universiti juga telah memutuskan untuk melaksanakan tapisan keselamatan ke atas pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di universiti ini bagi memastikan integriti perkhidmatan sentiasa terpelihara. Kepada pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat, sila ambil serius peringatan ini. Kualiti dan integriti perkhidmatan anda sentiasa dipantau dari semasa ke semasa, malah untuk makluman, tindakan buang kerja pernah dikenakan ke atas

seorang kakitangan universiti ini pada akhir tahun lepas kerana mencemarkan nama baik universiti.

Pada 4-6 Ogos yang lepas dalam bengkel pengurusan tertinggi hala tuju UMP, telah didedahkan sistem poligraf di mana sistem menentukan seseorang itu bercakap benar atau tidak. Sistem ini digunakan secara meluas di mahkaamah Amerika Syarikat serta FBI. Ia ada digunakan di Malaysia. Sebagai contoh kita dimaklumkan bahawa pejawat jawatan BPR menggunakan keadaan polygraph. Selepas calon berjaya ditemubual mereka melalui sistem poligraf, keputusan didapati hanya 75% berjaya dan 25% gagal.

10. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Saya telah menyentuh tentang kepincangan dalam penguatkuasaan tata tertib pelajar di universiti ini dalam ucapan saya sempena Perhimpunan Bulanan bagi Bulan September yang lalu. Alhamdulillah, nampaknya teguran tersebut telah mendapat perhatian dan tindakan yang segera. Dalam Surah Ali Imran ayat 110, Allah Taala berfirman dengan maksud:

*“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia,  
menyuruh kepada yang makruf (kebaikan) dan mencegah dari  
kemungkaran dan beriman kepada Allah.”*

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, pada 22 September yang lalu, dalam sebuah mesyuarat khas yang diatur oleh Pejabat Naib Canselor dan dihadiri oleh Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Pengarah Pusat Perkhidmatan Akademik, Timbalan-timbalan Dekan Fakulti, Pegawai Keselamatan dan lain-lain, saya sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi universiti ini telah bersetuju pada dasar dan prinsipnya untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantapan Sahsiah dan Integriti Pelajar atau JKPSIP. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan dan dianggotai oleh Pengetua-pengetua Kompleks Kediaman, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pembangunan Pelajar) bagi setiap fakulti, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Keselamatan, Ketua Program Penasihat Akademik, Pusat Perkhidmatan Akademik dan dua orang wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar.

11. Skop kerja JKPSIP adalah untuk menggubal dasar dan menyelaras aktiviti berkaitan perkara-perkara berikut:-
  - (a) Pendidikan dan kesedaran berkenaan sahsiah, integriti dan tatatertib di kalangan pelajar UMP;
  - (b) Pemantauan aktiviti-aktiviti anjuran, kendalian dan kelolaan pelajar UMP atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak luar/universiti untuk

- pelajar UMP supaya menepati prinsip-prinsip sahsiah, integriti dan tata tertib serta Nilai-nilai Teras UMP;
- (c) Penguatkuasaan tata tertib pelajar menurut kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan perundangan-perundangan subsidiari di bawah Akta tersebut dan undang-undang bertulis yang lain.

Saya berharap, penubuhan JKPSIP ini akan meningkatkan kepekaan warga kerja UMP terhadap kewajipan membangunkan sahsiah dan integriti pelajar universiti ini supaya agenda kemahiran insaniah yang kita megah-megahkan tidak hanya menjadi retorik tetapi terzahir daripada peribadi luhur dan disiplin tinggi pelajar-pelajar kita. Dengan adanya pemantauan berterusan daripada JKPSIP, maka Naib Canselor selaku Pihak Berkuasa Tatatertib dapat mengetahui keberkesanan penguatkuasaan tata tertib oleh para pegawai dan kakitangan sekalian.

Anggota-anggota JKPSIP pula mendapat mandat penuh daripada saya untuk mengelolakan aktiviti dan program yang bersesuaian, berpandukan kepada terma rujukan yang telah ditetapkan.

## **INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN**

12. Agak mendukacitakan apabila kedudukan Malaysia dalam *Corruption Perception Index* atau CPI bagi tahun 2007 merosot ke tangga 43 berbanding tangga 39 pada tahun 2006. Ini adalah fakta yang dikeluarkan oleh *Transparecy International* dalam laporannya yang diterbitkan baru-baru ini.

Sebagai sebahagian daripada anggota perkhidmatan awam, kita selaku warga kerja di UMP ini perlu mengambil serius perkembangan ini dan terus berusaha untuk membantu memperbaiki prestasi negara kita dalam skor CPI nya untuk tahun-tahun yang akan datang. Dalam hal ini, saya ingin membawa tuan-tuan dan puan-puan sekalian merenung maksud firman Allah dalam Surah an-Nisa' ayat 135:-

*"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau miskin, maka Allah lebih tahu kemasalahannya. Maka janganlah kamu mengikut hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah mengetahui segala apa yang kamu kerjakan"*

Kewajipan memelihara integriti sebagai penjawat awam adalah amanah besar yang telah kita ikrarkan dalam surat aku janji yang ditandatangani. Sanggupkah

kita melanggar aku janji yang telah dibuat dan bersifat khianat kepada perkhidmatan, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan awam untuk kepentingan peribadi sedangkan Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda bahawa sifat khianat itu adalah sebahagian daripada ciri-ciri orang yang munafik? Manakala aku janji yang telah kita tandatangani itu adalah perjanjian kita untuk bekerja dengan jujur dan amanah sebagai penjawat awam dan perjanjian ini pasti akan dinilai dan disoal kembali kepada kita kelak. Ini telah ditegaskan dalam Surah al- Maaidah ayat 1 di mana Allah Taala berfirman dengan maksud:-

*“Hai orang-orang yang beriman! Tepatilah segala janjimu. Janji para setia hamba pada Allah dan perjanjian yang dibuat oleh manusia dalam bergaulan sesamanya”*

13. Ramadhan sebenarnya mempunyai falsafahnya yang tersendiri dalam aspek integriti sekiranya diperhatikan dengan teliti. Semasa menjalankan ibadah puasa, kita begitu amanah dalam memelihara puasa kita dan tidak melakukan sesuatu perkara yang mungkin membatalkan puasa. Sedangkan difikirkan secara logik, tidak akan ada sesiapa yang akan tahu misalnya, jika kita makan secara sembunyi-sembunyi pada siang hari dalam bulan Ramadhan. Kita takut melakukannya, walaupun secara sembunyi kerana kita tahu Allah Taala melihat kita. Persoalannya di sini ialah kenapa hanya dalam bulan Ramadhan ini sahaja kita merasakan Allah Taala memerhati gerak-geri dan tindak-tanduk kita? Kenapa di bulan-bulan yang lain kita kembali alpa dan melakukan kecurangan,

kejahatan dan kemungkaran seolah-olahnya Allah Taala tidak memerhatikan kita?

Nah, jelas sekali bahawa melalui Ramadhan, Allah Taala ingin mengingatkan kita bahawasanya perbuatan dan tindakan kita sentiasa berada dalam perhatian-Nya. Jika kita boleh amanah dan jujur selama 30 hari dalam bulan Ramadhan ini, kenapa tidak kita berlaku amanah dan jujur untuk 11 bulan yang lainnya? Hal ini perlu dimuhasabah oleh kita semua untuk sama-sama kita insafi hakikat bahawa kita semua hanyalah manusia biasa yang daif, lemah dan tidak berdaya serta tertakluk di bawah kekuasaan Allah Yang Maha Perkasa.

14. Justeru, amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita untuk mentadbir universiti ini perlukah ditunaikan dengan penuh kesedaran yang mendalam. Perkara ini amatlah perlu dititikberatkan kerana tahap integriti yang tinggi adalah pra-syarat kepada para penjawat awam, lebih-lebih lagi jawatan-jawatan yang mendedahkan seseorang pegawai atau kakitangan dengan maklumat-maklumat yang terperingkat sebagai sulit, rahsia atau rahsia besar. Sikap talaam dua muka adalah suatu bencana besar dalam pengurusan kerana maklumat-maklumat sulit boleh sahaja diketahui oleh orang yang tidak sepatutnya kerana ketidakjujuran. Allah Taala telah mengingatkan kita supaya berhati-hati dengan golongan talaam dua muka ini melalui firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 204 yang bermaksud:-

*“Dan diantara manusia ada orang yang ucapannya tentang kehidupan dunia menarik hatimu dan dipersaksikannya kepada Allah ( atas kebenaran ) isi hatinya, pada hal ia adalah penentang yang paling keras .”*

Ketika zamannya, Nabi Muhammad S.A.W. juga menghadapi cabaran daripada golongan munafik atau hipokrit ini. Di hadapan baginda, mereka ini mengaku beriman kepada Allah Taala sedangkan mereka inilah sebenarnya petualang-petualang yang bersekongkol dengan musuh-musuh Islam. Lihat sahaja permainan licik Abdullah bin Ubai, yang diketahui sebagai pemimpin golongan munafik di Madinah, yang bijak bermuka-muka dan tidak pernah lewat untuk mengangkat takbir di belakang Rasulullah S.A.W. ketika solat berjamaah. Saidina Umar al-Khattab sendiri pernah mengingatkan supaya kita jangan mudah terpedaya atau kagum dengan seseorang hanya dengan melihat solatnya semata-mata, tetapi banyak lagi perkara lain yang perlu dinilai, dilihat dan diambil kira.

Catatan sejarah juga mencoretkan bahawa banyak empayar dan kerajaan agung tumbang akibat perbuatan petualang dalam dua muka ini. Kejatuhan Kerajaan Konstantinopel pada tahun 1452 berlaku akibat pengkhianatan Grand Duke Lucas Notaros terhadap Maharaja Palaogolus dengan membuka pintu kota Konstantinopel kepada musuh tatkala kepungan ke atas Konstantinopel sampai ke kemuncaknya.

Manakala kejatuhan Empayar Uthmaniyyah di Turki pada tahun 1924 pula berlaku akibat pengkhianatan Mustafa Kamal, seorang pegawai kanan tentera Uthmaniyyah. Dan dalam konteks negara kita sendiri, kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 berlaku kerana pengkhianatan pembesar-pembesar Melaka yang diketuai oleh Raja Mendelia yang sanggup menjual maklumat sulit pertahanan Melaka kepada musuh.

Demikianlah berbahayanya musuh yang datang dari dalam, gunting dalam lipatan, tiada kelihatan seperti api di dalam sekam. Ianya seperti barah yang tidak kelihatan dan apabila keadaannya kian kronik, sudah terlambat untuk kita merawatnya. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Ilahi supaya universiti ini terpelihara daripada anasir-anasir sebegini dan sekiranya terbukti wujud, tindakan pencegahan mestilah diambil menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

15. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Inilah perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian sebagai renungan dan muhasabah untuk kita perbaiki diri dan seterusnya ditingkatkan kualiti. Saya percaya dan yakin, kita semua sayangkan universiti ini. Selaku Naib Canselor, saya bangga mempunyai warga kerja yang komited, rajin dan progresif seperti tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Justeru, hargailah keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan ini dan janganlah sekali-kali kepercayaan ini dikhianati. Kesatuan minda dan tindakan adalah amat penting

untuk kita membawa UMP mencapai visinya dan dalam hal ini kita wajib akur kepada ketetapan dan keputusan yang telah disepakati. Falsafah, misi dan nilai-nilai teras yang ada bukanlah hanya untuk hiasan semata-mata, sebaliknya itulah testimoni persepakatan dan pemuaafakan warga universiti ini. Pentadbir dan pelajar datang dan pergi, orangnya silih berganti, namun visi, misi dan nilai-nilai teras UMP tetap sama, itulah tekad kita!

### **UCAPAN SALAM EIDUL FITRI DAN KATA PENUTUP**

16. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Eidul Fitri kepada seluruh warga kerja dan pelajar Universiti Malaysia Pahang. Saya menyusun 10 jari memohon ampun dan maaf, zahir dan batin di atas sebarang kertelanjuran kata dan kekasaran tindakan yang mungkin menyinggung jiwa dan perasaan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang akan bermusafir jauh ke kampung halaman untuk berhari raya bersama orang tua dan sanak saudara, berhati-hatilah di jalan raya dan saya doakan anda selamat sampai ke destinasi dan selamat juga kembali. Sempena 1 Syawal, yang renggang kita rapatkan, yang putus kita sambungkan dan yang mesra kita serasikan.

**Bismillahirahman nilrahim**

*Alhamdullilah hirabbilalamin wasalatuwassal asrafi ambia walmuusalim waala ahli wasahbi ajmain.*

*Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepadaMu kebajikan kesemuanya, dunia dan akhirat, sama ada perkara yang kami tahu atau tidak. Kami berlindung dengan Mu dari segala kejahatan dunia dan akhirat, sama ada yang kami tahu ataupun tidak.*

*Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepadaMu memasuki syurga dan mengecap ni'matnya dan perkara yang boleh menghampirkan kami kepadanya dari segi perkataan, perbuatan, niat dan iktikat. Kami berlindung denganMu dari memasuki api neraka dan perkara yang boleh menghampirkan kami kepadanya dari segi perkataan, perbuatan, niat dan iktikad dan kami memohon perindungan kepadaMu sebagaimana yang diminta oleh NabiMu, kekasihMu, RasulMu dan hambaMu Muhammad S.A.W.*

*Ya Allah, apa-apa yang telah kau putuskan terhadap kami dari sebarang urusan, jadikanlah penghujungnya sebagai petunjuk. Sejahterakanlah akal, iman dan keyakinan kami; begitu juga segala apa yang telah Engkau ni'matkan ke atas kami dengan ni'matMu wahai Tuhan Yang Pengasih lagi Penyang.*

*Ya Tuhan kami, kurniakanlah kami kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat serta peliharalah kami dari azab api neraka.*

*Rahmatkanlah wahai Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat handai kesemuanya.*

*Maha Suci Engkau, Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan dari perkara yang mereka sifatkan dan ucapan selamat sejahtera ke atas para Rasul utusan. Dan segala puji untuk Allah, Tuhan Pemerintah Alam.*

**Amin.**

Salam Eidul Fitri, Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.